

## PELAPORAN KEWANGAN WAKAF TUNAI DI SEKOLAH- SEKOLAH TAHFIZ SWASTA NEGERI SEMBILAN

**Sri Wahyu Sakina Bt Ahmad Sanusi, Zainab Bt Aman & Nur Suriana  
Bt Awaludin**

Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Sri Wahyu Sakina Bt Ahmad Sanusi. Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: sriwahyu@kuis.edu.my.

### Abstrak

Sekolah Tahfiz swasta (STS) adalah merupakan institusi pendidikan Islam yang menumpukan kepada hafazan Al-Quran dan termasuk dalam kumpulan organisasi bukan keuntungan berteraskan agama. Walaupun terdapat peningkatan dari segi permintaan orang ramai terhadap sekolah tahfiz swasta, namun kekangan kewangan merupakan cabaran utama yang memberi kesan terhadap pengurusan institusi tersebut (Anas, Samori, Hamid, Zulkipli, & Mohd Noor, 2019). Terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan wakaf tunai. Antaranya kajian Hilmi (2012a) yang membincangkan isu pengurusan wakaf dari perspektif perundangan. Chowdhury et al. (2011) pula mengkaji isu pengurusan wakaf di Malaysia dengan memperkenalkan konsep seperti bank wakaf tunai, pembiayaan mikro, pinjaman industri kecil dan sederhana yang boleh meningkatkan penglibatan orang ramai dalam wakaf. Kajian oleh Ismail et al. (2014) melihat dari segi cabaran dalam pelaksanaan pengurusan wakaf tunai. Kajian oleh Rabiatul Hasanah et al. (2017) pula melihat keberkesanan pengurusan wakaf dari sudut sumber manusia, dokumentasi dan pelaporan oleh Majlis agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, kajian ini berbeza dari kajian lepas yang mana kajian ini melihat dokumentasi, pelaporan, kutipan dan pengagihan dana wakaf di sekolah tahfiz swasta di Malaysia. Kajian dilakukan di STS di Negeri Sembilan kerana majoriti sekolah tahfiz di Negeri Sembilan dimiliki oleh sekolah tahfiz swasta berbanding yang dimiliki oleh kerajaan. Maka objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan semasa pelaporan kewangan wakaf tunai di sekolah tahfiz swasta (STS) Negeri Sembilan.

**Kata kunci:** *tahfiz swasta, pelaporan, wakaf tunai, dokumentasi, kewangan*

## **(REPORTING ON CASH WAQF AMONG PRIVATE TAHFIZ SCHOOL AT NEGERI SEMBILAN)**

### **Abstract**

*Private Tahfiz School (STS) is an Islamic educational institution categorised under the group of non-profit organisation which based on religious that primarily focusing on memorizing the Quran. Although the demand from public towards the private tahfiz schools is keep increasing, the financial constraints is the main constraints that facing by the tahfiz management (Anas, Samori, Hamid, Zulkipli, & Mohd Noor, 2019). There are many studies conducted related to cash waqf but there is less study that purely focus on management of cash waqf at tahfiz institutions. Among the studies, is Hilmi's study (2012) which discusses the issue of waqf management from a legal perspective. Chowdhury et al. (2011) also studied the issue of waqf management in Malaysia by introducing concepts such as cash waqf banks, micro-financing, small and medium industry loans that can increase public involvement in waqf. A study by Ismail et al. (2014) looked at the challenges in the implementation of waqf management of cash waqf. A study by Rabiatal Hasanah et al. (2017) has looked at the effectiveness of waqf management from the perspective of human resources, documentation and reporting by the Islamic religious councils of the states in Malaysia. However, this study differs from prior studies from the perspective of documentation, reporting, collection and distribution of waqf funds at private tahfiz schools in Malaysia. This study was conducted at Negeri Sembilan to private tahfiz schools. The reasons of selection the state of Negeri Sembilan is due to the majority of tahfiz schools in Negeri Sembilan are owned by private tahfiz schools as compared to numbers of tahfiz that owned by the government. Therefore, the objective of this study is to identify the current practices of waqf cash management in selected private tahfiz schools (STS) in scope of, documentation, aspects of reporting, collection and distribution of cash waqf funds towards the activities of mosque endowment.*

**Keywords:** *private tahfiz school, reporting, cash waqf, documentation, financial*

Received: March 14, 2023

Accepted: May 11, 2023

Online Published: June 30, 2023

### **1. Pendahuluan**

Jumlah Sekolah Tahfiz Swasta (STS) berdaftar di Malaysia sentiasa meningkat setiap tahun. Peningkatan jumlah institusi ini dalam setiap negeri di Malaysia dilihat pada rentetan permintaan positif daripada masyarakat. Institusi ini wajar dipertahankan memandangkan ia bukan sahaja mengembangkan ilmu agama, malah memberi sumbangan dalam aspek pendidikan negara. Secara umumnya, institut tahfiz swasta yang berdaftar di Malaysia telah berkembang pesat sehingga mencecah kepada 1400 unit sekolah (MAMPU 2021). Institusi tahfiz kerajaan dilihat tidak dapat menampung permintaan ibu bapa yang ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Maka STS menjadi pilihan dan alternatif bagi kurikulum

tahfiz. Oleh itu, pemerkasaan STS dilihat signifikan dan keperluan bagi penambahbaikan sistem pengurusan kewangan STS perlu dilaksanakan agar ia tersusun dan sistematik.

Khususnya di Malaysia, pengajian tahfiz bukan sahaja mendapat tempat di peringkat pengajian tinggi semata-mata, sebaliknya di peringkat sekolah lagi. Terdapat dua jenis pemilikan sekolah Tahfiz, iaitu i) Pemilikan oleh kerajaan, ii) Pemilikan swasta. Sekolah Tahfiz kerajaan (STK) dibiayai dan diuruskan oleh kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kerajaan negeri, manakala STS diuruskan oleh individu, organisasi atau badan korporat (Mohamad Akhir et al. 2021). STS terbahagi kepada dua jenis sama ada berdaftar dan tidak berdaftar. Secara praktiknya, STS yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan dipantau dan disalurkan dana bantuan kerajaan mengikut peruntukan belanjawan negara setiap tahun. Peruntukan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM50 juta untuk STK dan STS yang berdaftar.

Pengaplikasian instrumen wakaf sebagai mekanisma yang sesuai untuk kelestarian sekolah tahfiz swasta (STS) di Malaysia dilihat satu yang relevan untuk dibincangkan dalam kajian ini memandangkan sebahagian STS didirikan dengan mengutip dana wakaf (Abd Rahman Abd Ghani, 2018). Melihat kembali sejarah penubuhan institusi pendidikan Islam juga menerusi kaedah wakaf mampu melahirkan cerdik pandai dan kelestariannya terus utuh sehingga kini seperti Universiti al-Azhar (969M), Universiti Cardova (971), Bait al-Hikmah (975M) dan juga institusi di Nusantara (Siti Mashitoh et al., 2018). Dalam konteks STS, dana wakaf merupakan dana yang diperlukan bagi menampung kos operasi dan kelangsungan STS. Sorotan kajian di STS Selangor oleh Abd Rahman Abd Ghani (2018) mendapati bahawa sumbangan terbesar dalam pembinaan institusi adalah hasil derma masyarakat, iaitu melibatkan 19 buah institusi (42.2%) diikuti oleh dana modal persendirian melibatkan sebanyak 13 buah institusi (28.9%), 8 buah institusi (17.7%) adalah dari sumber wakaf dan 5 buah institusi (11.2%) mendapat bantuan daripada organisasi tertentu. Maka, dana wakaf merupakan salah satu tunggak utama bagi kelangsungan STS di Malaysia.

Selain dana wakaf, pembiayaan dan pengurusan sekolah tahfiz bergantung kepada yuran pelajar, sumbangan komuniti dan peruntukan kerajaan negeri. Justeru itu, STS menghadapi cabaran dalam memastikan kelestariannya terus utuh khususnya dari segi pembiayaan kewangan yang semakin tinggi setiap tahun. Kewangan yang stabil akan membantu dalam tadbir urus, pengurusan, fasiliti dan tenaga pengajar, seterusnya kelestarian STS dapat dipertahankan.

Pelaporan kewangan dalam organisasi amal adalah penting, ia bukan sahaja untuk memantau prestasi mereka dalam terma kecekapan dan keberkesannya dalam menggunakan sumber awam, tetapi juga untuk memberikan maklumat kepada semua pemegang taruh dengan sumber ekonomi dan kewajipan mereka (Hall & O'Dwyer 2017). Pemegang taruh adalah merangkumi penggubal undang-undang, penderma, juruaudit kerajaan, dan pembayar cukai. Maklumat dari badan amal organisasi juga penting bagi penderma yang berpotensi dalam membuat keputusan sama ada untuk meneruskan sumbangan amal tersebut.

Setakat ini, tiada piawaian pelaporan kewangan yang khusus untuk badan amal seperti STS. Justeru itu, format pelaporan kewangan juga berbeza-beza berikutan timbul permintaan untuk maklumat yang berbeza pada waktu yang berbeza. Maka, perekodan, pelaporan dan pengurusan kewangan sekolah tahfiz perlu diberi perhatian supaya tiada kepincangan yang berlaku apatah lagi ia melibatkan dana awam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan semasa pelaporan kewangan wakaf tunai di sekolah tahfiz swasta (STS) Negeri Sembilan.

## **2. Metodologi**

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Kutipan data dibuat menggunakan dua cara seperti berikut:

1. Kaedah analisis dokumentasi iaitu mendapatkan data melalui kajian kepustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber primer dan sekunder dengan merujuk jurnal, kertas kerja, latihan ilmiah dan laman web bagi mengkaji isu-isu berhubung pengurusan wakaf dan pelaporan kewangan di STS. Kaedah kajian adalah kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan.

2. Mengadakan temubual mendalam separa struktur. Temubual adalah merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang tidak boleh diperolehi dalam bentuk yang diterbitkan (Eriksson & Kovalainen, 2008). Oleh itu, temu bual separa berstruktur sesuai digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat daripada kakitangan STS yang terpilih. Dalam kajian ini temubual telah dijalankan bersama pengetua sekolah dan pegawai kewangan bagi 4 STS yang dipilih. Temuduga telah berlangsung di antara tempoh 30 ke 60 minit maksimum. Perbualan dirakam dengan persetujuan peserta kajian

3. Kaedah Tematik digunakan untuk menganalisis transkripsi temubual, membina tema, kategori dan subkategori dalam kajian ini. Kaedah analisis data dilakukan berdasarkan kajian Sri Wahyu et al. (2021b). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pelaksanaan temuduga separa berstruktur. Peserta kajian terdiri daripada wakil pengurusan STS. Kajian ini menunjukkan pelbagai perspektif temuduga yang berbeza untuk mendapatkan pandangan mengenai amalan pelaksanaan wakaf tunai yang terdapat di STS tersebut. Data tersebut terdiri daripada penerangan terperinci mengenai aktiviti wakaf, pendedahan, dan pengalaman peserta. Sebaik sahaja temuduga dijalankan, data telah ditranskripsikan. Apabila data telah dikumpulkan; langkah pertama dalam analisis adalah untuk mengenal pasti kategori yang sesuai. Kemudian, kategori dikaitkan bersama-sama untuk mewujudkan tema daripada sumber yang komprehensif. Tema ini termasuk semua maklumat utama yang digunakan semasa melakukan kajian kes. Maklumat kemudian disunting, redundansi disusun, digabung untuk memperolehi penemuan. Rajah 1 di bawah menunjukkan keseluruhan proses yang dilakukan di bawah analisa tematik.

Justeru itu, hasil kajian yang diperoleh telah menjawab persoalan kajian ini dalam konteks amalan semasa pelaporan kewangan di 4 STS di Negeri Sembilan.



Rajah 1: Langkah analisis tematik

### 3. Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian dan perbincangan dimulakan dengan latar belakang ringkas bagi 4 buah STS yang berlokalti di Negeri Sembilan iaitu; i)P, ii)Q, iii)R dan iv)S.

#### i. STS P

STS P merupakan sebuah pusat pengajian peringkat menengah di bawah kelolaan Kumpulan Pendidikan P yang menekankan kepada pengajian Islam dalam mempelajari ilmu turath dan Al Quran secara talaqqi. Sistem Tradisi dan kontemporari digabungkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) di sekolah ini untuk memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai bidang ilmu Turath Islam seiring dengan arus kemodenan. Ia memfokuskan kepada 3 aliran iaitu (i) Hafazan Al-Quran, (ii) Pengajian Kitab Turath secara talaqqi dan (iii) silibus akademik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah Kumpulan Pendidikan P, terdapat beberapa kategori sekolah yang bermula daripada pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan Kolej Islam. STS P juga telah melebarkan sistem pendidikannya bukan sahaja di Malaysia, namun juga di luar negara. Di antara cawangan STS P di luar negara adalah Morocco, London, Indonesia dan Suddan. Sistem pentadbiran STS P dilihat lebih berstrategi dan cenderung kepada gaya korporat. Dalam konteks kutipan dana wakaf, STS P ada membuka ruang kutipan wakaf tunai secara berterusan. Dana wakaf tunai ini diagihkan mengikut kategori tabung dana dan orang ramai boleh membuat sumbangan mengikut kategori tabung yang disediakan.

#### ii. STS Q

STS Q merupakan sebuah sekolah menengah aliran tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1999, dan ia adalah lanjutan kepada Sekolah Rendah Islam Q ditubuhkan pada tahun 1985. Ia menawarkan program hafazan Quran 30 juz bagi tempoh pengajian 5 tahun. Selain itu, STS Q juga menawarkan kurikulum KBSM dari Tingkatan 1 hingga 5 dan pelajar adalah

diwajibkan mengambil peperiksaan PMR dan SPM. STS Q juga menggunakan kurikulum Dinniyyah (agama) dan Kokurikulum dari gabungan sekolah sekolah Islam Malaysia. STS Q tidak ada mewarwarkan kutipan wakaf tunai yang berterusan. Kutipan wakaf tunai hanya khusus kepada penyelenggaraan atau pembangunan yang telah dirancang.

### iii. STS R

STS R telah memulakan operasi pada 1 April 2014 dan merupakan cawangan kedua dalam Malaysia selepas Jeram yang terletak di Selangor. Pengambilan dan pendaftaran dibuka kepada sesiapa yang berminat mendalami Al-Quran, serta mendalami Bahasa Arab dan seterusnya bertutur dalam Bahasa Arab. STS R menggunakan silibus dari Pondok Modern di Indonesia. Pelajar-pelajar STS R adalah terhad kepada pelajar lelaki yang berumur 13 tahun ke atas dan boleh membaca Al-Quran. Selain itu, STS R juga telah membuka peluang belajar secara separuh masa kepada penduduk setempat. Manakala dalam konteks akademik, hanya 3 subjek yang ditawarkan iaitu i) Bahasa Melayu, ii) Bahasa Inggeris dan iii) Matematik. Secara praktiknya, STS R tidak membuat kutipan dana wakaf tunai secara khusus namun menerima sumbangan orang ramai bagi kelangsungan tahfiz selain daripada dana yuran yang telah ditetapkan.

### iv. STS S

STS S menyediakan sistem pendidikan berteraskan pengajian al-Quran dan akademik. Ia berhasrat melahirkan seramai 50 huffaz kalangan generasi muda dalam tempoh tiga tahun dari tahun semasa dan ianya adalah suatu tempoh yang sesuai dengan kemampuan pelajar. Sejak beroperasi pada tahun 2013, seramai 23 huffaz berjaya dilahirkan dan kini berkhidmat di pelbagai institusi agama seluruh negara. Kebanyakan pelajar STS S adalah daripada kalangan anak-anak keluarga asnaf yang sudah mempunyai asas yang baik dalam pengajian al-Quran. STS S mengendalikn seramai 130 orang pelajar yang berusia di antara 10 hingga 17 tahun dari kalangan keluarga asnaf. Justeru itu, ia memerlukan kira-kira RM45,000 setiapi bulan dan mengalu-alukan sumbangan dana daripada orang ramai.

#### 3.1 Dapatan kualitatif

Rajah 2 di bawah menunjukkan amalan semasa pelaporan kewangan daripada 4 STS.

	STS P	STS Q	STS R	STS S
Penyediaan penyata kewangan	Disediakan	Disediakan	Tiada	Disediakan
Jenis penyata kewangan	- Penyata untung rugi -Penyata kedudukan kewangan	- Penyata untung rugi -Penyata kedudukan kewangan	Tiada	- Penyata untung rugi -Penyata kedudukan kewangan
Kewujudan unit atau pegawai	Ada	Ada	Tiada	Ada

kewangan berkekelayakan				
Penyata kewangan diaudit	Menggunakan khidmat auditor yang dilantik	Menggunakan khidmat ahli lembaga pengarah untuk mengaudit	Tiada	Menggunakan khidmat auditor yang dilantik
Kefahaman kepentingan penyata kewangan	Faham	Faham	Tidak faham	Faham
Mempunyai sistem tadbir urus bagi pengurusan kewangan	Ada	Ada	Tiada	Tiada
Pendedahan penyata kewangan	Tiada	Ada secara dalaman sahaja	Tiada	Ada secara dalaman sahaja
Latihan/kursus kepada staff	Ada	Ada	Tiada	Ada

Jadual 1: Amalan semasa pelaporan kewangan 4 STS

Berdasarkan Jadual 1 di atas, corak pengurusan dan pentadbiran STS P adalah seperti badan korporat dan disebabkan itu ia telah melantik akauntan dan auditor daripada syarikat luar bagi menguruskan hal pelaporan kewangannya. Di samping itu, STS P mempunyai unit khas serta tadbir urus untuk hal kewangan dan melantik pegawai yang terlatih. Namun begitu, pendedahan atau pelaporan kewangan tidak dilakukan secara umum walaupun dana wakaf tunai yang diterima secara berterusan dan jumlahnya adalah signifikan.

Bagi STS Q, ia mempunyai Lembaga Pengurusan sekolah yang tersendiri dan semua aktiviti kewangan dan pelaporan perlu melalui kelulusan Lembaga. Ahli lembaga merupakan golongan profesional yang dilantik untuk memantau kedudukan kewangan STS Q. Justeru itu, pendedahan atau pelaporan kewangan telah dilakukan secara dalaman sahaja dan sekiranya ada keperluan daripada pemegang taruh untuk melihat penyata kewangan, STS Q sedia mendedahkannya. Dari konteks kutipan wakaf tunai, STS Q tiada mewarwarkan kutipan wakaf tunai tanpa tujuan khusus. Sekiranya ada keperluan bagi baikpulih bangunan sekolah atau pembinaan fasiliti, STS Q akan mewarwarkan kutipan wakaf tunai tersebut dan terhad kepada jumlah yang diperlukan sahaja.

Seterusnya bagi STS R, tiada sebarang pelaporan kewangan yang disediakan. Ia berikutan saiz STS R adalah kecil dan tiada pegawai yang mencukupi bagi menguruskan hal-hal kewangan. Di samping itu, pengurusan STS R kurang memahami kepentingan pelaporan dan catatan transaksi kewangan yang perlu dilakukan. Tambahan pula, STS tiada mewarwarkan kutipan wakaf tunai maka pengurusan kewangan adalah dalam skala yang kecil.

Khusus bagi STS S, ia ada menyediakan pelaporan kewangan oleh pegawai yang berkelayakan. STS S juga turut menggunakan khidmat auditor luar bagi memastikan pelaporan kewangannya tepat. Seterusnya, pendedahan atau pelaporan kewangan telah dilakukan secara dalaman sahaja dan secara umumnya, pengurusan tahfiz ini memahami kepentingan pelaporan kewangan yang perlu dilakukan.

### *3.2 Analisa tematik bagi aspek pelaporan kewangan*

Pelaporan bagi STS merangkumi dua aspek pelaporan iaitu pelaporan jumlah hasil dan perbelanjaan serta laporan penyata kewangan keseluruhan. Kebanyakan STS hanya merekodkan penerimaan dan perbelanjaan tetapi tidak membuat pernyataan atau laporan bertulis dari segi pelaporan tentang berapa jumlah kutipan dan perbelanjaan yang terlibat.

*“ Pihak sekolah tidak menyediakan laporan kewangan yang lengkap secara bertulis. Kami juga tidak menghantar laporan kewangan untuk diaudit. Kami hanya menyediakan rekod penerimaan dan pembayaran wang termasuklah wakaf tunai dan ianya akan disemak oleh ahli lembaga pengarah sekolah”.*

*“ Kami hanya menyediakan buku tunai dalm bentuk manual menggunakan Microsoft Excel. Kami mengupah syarikat luar menyediakan laporan kewangan untuk diaudit dan kemudiannya menghantar laporan kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kami tidak menghantar laporan kewangan kepada Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) kerana tiada keperluan untuk berbuat begitu”... PK-Q (1.7.2022/intw1/*

*“Penerimaan, buku resit, tunai akan dimasukkan dalam bank. Voucher, invois, ada resit. Setiap perbelanjaan ada resit, rekod guna Excel, hantar pada akuantan diaudit. Bahagian diploma bidang lain. Dihantar juga bermuzakarah dgn sekolah lain”....*

PK-S (3.8.2022/intw1/

*“Okey tiga ribu alhamdulillah ustaz pegang dulu nanti kalau ada keperluan nak beli barang dapurkah apa pakailah duit tiga ribu itu.... Saya kemudian tulis satu minggu pun saya belanja bulan dapur untuk seminggu. Mungkin dah kurang berapa. Saya bagi tahulah ini baki hasil pengeluaran dan baki yang ada sampailah habis duit itu”. PK-R (16.8.2022/intw1)*

*“.....Kalau AGM ni mesyuarat semuka dua kali dah dua tahun. Patutnya ada tu laporan sebab dia berdaftar kan. Kita auditkan dia punya apa laporan...” PK-P (22.8.2022/intw1)*

Pelaporan adalah merupakan satu elemen dalam sistem kawalan dalaman. Dapatan kajian mendapati hanya satu STS sahaja iaitu S mempunyai sistem kawalan yang baik kerana menyediakan laporan kewangan beraudit dan dihantar ke SSM. Manakala bagi STS Q, ia juga mempunyai sistem kawalan dalaman yang baik bagi aspek pelaporan kewangan cuma tiada laporan kewangan beraudit yang disediakan. Bagi STS P yang merupakan entiti seperti pengurusan korporat, tiada pendedahan bagi penyata kewangan yang dilakukan meskipun jumlah dana wakaf tunai yang diterima adalah signifikan. Maka, penambahbaikan daripada segi pelaporan kewangan perlu dilakukan oleh STS P agar tiada ketirisan dalam



menguruskan dana wakaf tunai. Bagi STS R yang bersaiz kecil, ia boleh memulakan langkah dalam menyediakan laporan kewangan secara asas dahulu agar perancangan kewangan dalam pengelolaan sekolah tahfiz lebih teratur.

Kesemua STS tidak menghantar laporan kewangan ke JHEAINS kerana tiada enakmen yang mewajibkan STS untuk menghantar laporan kewangan mereka. Tambahan lagi, kesemua STS didapati tidak memasukkan laporan kewangan mereka dalam laman web sekolah bagi tatapan pemegang taruh yang terlibat. Justeru itu, penambahbaikan boleh dilakukan dalam pendedahan laporan kewangan bagi merealisasikan akauntabiliti pengurusan STS apabila mengelolakan wakaf tunai.

Kepentingan pelaporan kewangan dapat dilihat dalam teori pihak berkepentingan (stakeholder theory). Teori ini diasaskan oleh Richard Edward Freeman pada tahun 1984. Teori ini sesuai digunakan bagi menerangkan kepentingan sistem kawalan dalaman bagi memastikan kejayaan sesebuah organisasi. Teori ini menerangkan tentang bagaimana pengurus dalam organisasi perlu mempunyai akauntabiliti terhadap pihak berkepentingan yang terdiri dari pelbagai pihak seperti pelanggan, pembekal, pemegang saham. Namun dalam konteks STS, pemegang taruh terdiri daripada masyarakat yang juga merupakan pewakaf dan penggubal polisi. Oleh itu, menurut teori ini pengurus sesebuah organisasi perlu menjalankan aktiviti bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan (Mahadeen et al.2016).

#### **4. Penutup**

Pelaporan kewangan merupakan suatu medium bagi kawalan sesuatu entiti dalam konteks penerimaan dan pengeluaran tunai. Khusus bagi STS yang berdaftar dengan kerajaan negeri, tiada enakmen atau peruntukan undang-undang yang mewajibkan penghantaran laporan kewangan STS. Namun begitu, terdapat beberapa STS yang boleh menyediakan laporan kewangan beraudit untuk dihantar ke SSM dan ini merupakan tindakan sukarela STS tersebut. Apabila sesebuah STS menerima wakaf tunai atau dana awam, ia seharusnya mendedahkan penggunaan dana tersebut secara telus agar pewakaf dan masyarakat boleh melihat impak daripada dana yang telah disalurkan. Melalui pelaporan, ia membantu mengurangkan risiko ketirisan dan kepincangan kewangan yang dikhuatiri berlaku apabila jumlah wang yang diterima adalah signifikan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan semasa pelaporan kewangan wakaf tunai di STS Negeri Sembilan. Dapatan menunjukkan amalan pelaporan kewangan adalah berbeza pada 4 STS yang dipilih.

Selain itu, tiada enakmen yang mewajibkan pelaporan kewangan STS di Negeri Sembilan. STS yang berdaftar di bawah JHEAINS adalah di bawah pemantauan JHEAINS namun dari segi kutipan dan agihan wakaf tunai adalah tertakluk kepada STS itu sendiri. Oleh itu dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi sistem kawalan dalaman, tiada pemantauan yang dilakukan dari segi kutipan dan agihan wang yang diterima daripada dana wakaf tunai. Ini menunjukkan bahawa STS sebagai pemegang amanah mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas dana wakaf tunai yang dikutip dari orang ramai. Ini bertentangan dengan teori pihak berkepentingan yang mana sesebuah organisasi perlulah mematuhi kehendak pihak berkepentingan iaitu pihak pewakaf yang pastinya menginginkan STS mempunyai

integriti dan wang tunai yang disumbangkan diagihkan dengan betul serta tidak berlaku penyelewengan.

Oleh itu, penambahbaikan boleh dilakukan oleh pihak berkuasa seperti JHEAINS untuk memantau jumlah kutipan dan agihan dana wakaf tunai yang diperolehi STS dan menguatkuasakan enakmen yang mewajibkan pihak STS menghantar laporan kewangan tahunan. Kajian awal ini terhad kepada 4 buah STS di negeri Sembilan. Maka, kajian lanjutan boleh menambah jumlah sampel kajian agar dapatan lebih menyeluruh. Dapatan kajian ini diharapkan boleh meningkatkan kesedaran kepada pihak STS sendiri dalam memperbaiki tadbir urus korporat pengurusan wakaf tunai dari segi kawalan dalaman khususnya dalam konteks pelaporan kewangan.

## RUJUKAN

- Abd Ghani, A. R. (2018). Latar Belakang Guru Tahfiz di Institusi Tahfiz Persendirian Negeri Selangor. *Sains Humanika*, 10(3-4). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1548>
- Anas, Norazmi, Zakiah Samori, Md Yusof Hamid, Shahril Nizam Zulkipli, and Mohd Syukri Mohd Noor. "Private Tahfiz institution governance: A proposed transformation via social entrepreneurship model." *Academy of Entrepreneurship Journal* 25, no. 1 (2019): 1-7.
- Chowdhury, M. S., Ghazali, M. F., & Ibrahim, M. F. (2011). Economics of Cash Waqf Management in Malaysia: A Proposed Cash Waqf Model for Practitioners and Future Researchers. *African Journal of Business Management*, 5(30), 12155–12163.
- Eriksson, P., & Kovalainen, A. (2008). Case study research. *Qualitative methods in business research*, 115-136.
- Hall, M., & O'Dwyer, B. (2017). Accounting, non-governmental organizations and civil society:: The importance of nonprofit organizations to understanding accounting, organizations and society. *Accounting, Organizations and Society*.
- Hilmi, H. (2012a). Dinamika Pengelolaan Wakaf Uang: Studi sosio-legal perilaku pengelolaan wakaf uang pasca pemberlakuan UU No. 41 tahun 2004 tentang wakaf. *Jurnal Wacana Hukum Islam Dan Kemanusiaan*, 12(2), 123–143.
- <https://www.mampu.gov.my/>
- Ismail Omar, Aminah Md Yusof & Faizal A. Manaf (2014). The economic transformation of waqf lands in malaysia—a structure and agency approach. *International Journal of Business, Economics and Law*, 5(3), 1-11.
- Mahadeen, Buthayna, Rand Hani Al-Dmour, Bader Yousef Obeidat & Ali Tarhini (2016). Examining the effect of the Organization's Internal Control System on Organizational Effectiveness: A Jordanian empirical study. *International Journal of Business*

Administration, 7(6), 22-41.

Mohamad Akhir, Noor Syahidah, Azrul Shahimy Mohd Yusof, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Asmadi Mohammed Ghazali, and Rohayati Hussin (2021). Penjanaan hasil wakaf menerusi kaedah ijarah dalam kelestarian sekolah tahfiz swasta di Malaysia. *Voice of Academia (VOA)*, 17(2), 199-209.

Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed & Nazifah Mustaffha (2017). Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 49-58.

Siti Mashitoh, Mahamood, Asmak Ab Rahman & Azizi Che Seman (2018). Pembentukan Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Wakaf Di Malaysia: Cadangan Model Pelaksanaannya: The Establishment of a Waqf-Based Higher Educational Institution in Malaysia: Proposed Model for Implementation. *Jurnal Syariah*, 26(1), 1-22.

Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob & Mohd Fairuz Md Salleh. 2021b. Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam: Waqf Zurri: An Instrument for Estate Planning in Developing Islamic Civilization. *Journal of Al-Tamaddun* 16(1) :139-152.